

Pengecualian cukai kemudahan pendidikan rangsang pelajar ke IPTS

21 OCT 2007

JOHOR BAHRU 20 Okt. Pengecualian cukai ke atas penyediaan kemudahan pendidikan di institusi pengajian swasta dalam Belanjawan 2002 dapat merangsang kemasukan lebih ramai lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menyertai institusi tersebut.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pendidikan YPJ, Zainal Abidin Osman berkata, pada masa ini terdapat ribuan lepasan SPM yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) kerana tempat yang terhad.

Langkah pengecualian cukai itu, katanya, secara tidak langsung dapat mendorong kepada penurunan

yuran pengajian IPTS yang sebelum ini agak tinggi.

“Penurunan yuran ini akan membuka peluang kedua kepada ribuan lepasan SPM di seluruh negara melanjutkan pelajaran atau meningkatkan kemahiran mereka melalui pelbagai program yang disediakan di IPTS,” katanya ketika mengulas Belanjawan 2002 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat semalam.

Zainal juga menyifatkan keputusan kerajaan sebagai satu langkah positif membela nasib lepasan SPM yang sebelum ini membawa diri masing-masing di pelbagai sektor pekerjaan setelah gagal memasuki IPTA.

Katanya, sebagai lepasan SPM mereka ini juga terpaksa melupakan hasrat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi atau di dalam bidang-bidang yang diminati disebabkan kos pengajian yang agak tinggi di institusi-institusi pendidikan dan kolej-kolej IPTS.

“Pengecualian cukai ini juga dapat merangsang kemasukan lebih ramai lepasan SPM menyertai pelbagai kolej dan institusi pendidikan di Kumpulan Pendidikan YPJ yang memang ditubuhkan untuk memberi peluang pendidikan kedua kepada mereka yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke IPTA,” katanya.